

Jenazah Jaffar , selamat dikebumikan

UM 18 SEP 2011
KUALA LUMPUR 17
Sept. — Jenazah adik ipar
Perdana Menteri, Allah-
yarham Datuk Jaffar
Mohd. Ali, 68, yang me-
ninggal dunia di Chicago,
Amerika Syarikat kerana
sakit jantung selamat di-
kebumikan di tanah per-
kuburan Jalan Ampang di
sini hari ini.

Pengebumian itu turut
dihadiri oleh Datuk Seri
Dr. Mahathir Mohamad
dan Datin Seri Dr. Siti
Hasmah Mohamed Ali
yang juga kakak Allahyar-
ham serta balunya, Datin
Juriah Jaffar.

Turut hadir ialah anak
perempuan tunggal Allah-
yarham, Salina dan anggo-
ta keluarga yang lain ter-
masuk abang Allahyar-
ham Tan Sri Hashim serta
kakaknya, Datuk Paduka
Saleha.

Terdahulu, jenazah Al-
lahyarham tiba dengan
pesawat TUDM dari Singa-
pura pada pukul 9.30
pagi di Kern TUDM Su-
wang, diiringi oleh Dr. Siti
Hasmah dan Juriah.

Jenazah kemudian di-
bawa ke kediaman Allah-
yarham di 109, Jalan Am-
pang Hilir untuk mem-
bolehkan saudara-mara
dan rakan taulan memberi
penghormatan terakhir
kepadanya.

Antara yang hadir ialah
Pemangku Raja Selangor,
Tengku Idris Shah.

Allahyarham Jaffar
yang disegani kerana pe-
nglibatan aktifnya dalam
industri pengiklanan, me-
ninggal dunia pada 13
September lalu ketika ber-
cuti bersama keluarga di
Chicago.